

BAHAGIAN A
Jawab **SEMUA** soalan.
(45 markah)

1. Teliti maklumat di bawah dan jawab soalan yang diberikan.

Jason	:	Sharon semalam saya tidak hadir ke sekolah kerana demam. Bolehkah saya meminjam buku kerja kamu?
Sharon	:	Boleh, tetapi jangan lupa membawanya pada hari esok.
Jason	:	Baiklah, terima kasih.
Sharon	:	Sama-sama.
Pada keesokan harinya, Jason terlupa membawa buku tersebut. Akibatnya, Sharon telah didenda oleh guru. Jason berasa kesal dan berjumpa dengan Sharon untuk memohon maaf.		
Jason	:	Sharon, maafkan saya. Kelalaian saya telah menyebabkan kamu didenda oleh cikgu.
Sharon	:	Baiklah Jason, saya maafkan.

a) Berdasarkan situasi di atas, nyatakan tingkah laku baik, benar dan patut yang ada pada Jason dan Sharon.

i) Baik

.....

.....

ii) Benar

.....

.....

ii) Patut

.....

.....

(3 markah)

b) Andaikan anda ialah Sharon, apakah perasaan anda apabila kawan anda tidak menepati janji? Terangkan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

c) Pada pendapat anda, adakah dengan meminta maaf dapat menebus kesalahan yang anda lakukan? Berikan alasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....


(3 markah)

2. Jawab soalan berikut berdasarkan bahan rangsangan yang diberi.

SITUASI A



SITUASI B



- a) Berdasarkan **Situasi A** dan **Situasi B**, kenal pasti tindakan yang menunjukkan keperibadian mulia. Justifikasikan situasi yang anda pilih.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

- b) Andaikan anda berada dalam **Situasi A**, wajarkah anda berlalu tanpa menghulurkan wang kepada pengemis tersebut? Berikan alasan anda.

.....

.....

.....

(3 markah)

- c) Ramalkan **tiga** kesan jika pengemis tersebut tidak dibantu?

i)

ii)

iii)

(3 markah)

3. Maklumat berikut berkaitan dengan situasi yang berlaku dalam sistem pendidikan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

a) Nyatakan kesan tindakan Johnny terhadap dirinya?

Sekolah Johnny telah menjalankan pembelajaran atas talian melalui Google Meet. Semua murid digalakkan mengikuti E-pembelajaran ini. Setelah Johnny mengikuti E-pembelajaran beberapa kali, dia mulai bosan terhadap pelajaran atas talian. Oleh itu, semasa kelas atas talian, Johnny mengambil peluang bermain permainan atas talian.

- i.
- ii.

[2 Markah]

b) Sebagai seorang murid yang bertanggungjawab, apakah tindakan anda untuk memastikan E-Pembelajaran ini berkesan?

- i.
- ii.
- iii.

[3 Markah]

c) Ramai murid yang menghadapi masalah mengikuti E-Pembelajaran kerana masalah internet. Cadangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

- i.
- ii.
- iii.

[3 Markah]

d) Berikan **dua** kebaikan E-Pembelajaran kepada pelajar.

- i.
- ii.

[2 Markah]

4 . Gambar berikut berkaitan dengan dilema moral yang dihadapi oleh seorang pegawai polis trafik.



- a) Nyatakan dilema moral yang dihadapi oleh pegawai polis berkenaan.

.....

[2 Markah]

- b) Huraikan prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan yang perlu diamalkan oleh pegawai polis trafik terhadap remaja berkenaan dalam menyelesaikan konflik di atas.

- i.

 ii.

[4 Markah]

- c) Nyatakan kepentingan membuat keputusan berdasarkan dua prinsip yang dinyatakan di atas.

- i.
 ii.

[2 Markah]

- d) Andaikan anda adalah pegawai polis berkenaan. Apakah justifikasi yang anda akan berikan terhadap tindakan yang diambil dalam cerita (b) di atas.

.....

[2 Markah]

5. Gambar di bawah menunjukkan situasi jualan murah yang berlangsung atas talian .



a) Nyatakan **dua** nilai universal yang patut diamalkan oleh setiap pengguna dalam situasi di atas.

i.

ii.

[2 Markah]

c) Ramalkan **tiga** kesan sekiranya pengguna berbelanja mengikut perasaan dan bukannya mengikut keperluan.

.....

.....

.....

[3 Markah]